

AKHBAR : KOSMO**MUKA SURAT : 6****RUANGAN : NEGARAKU SEHATI SEJIWA**

Bayi-bayi Merdeka lahir tanggal 31 Ogos

KUANTAN - Seramai 26 bayi berkongsi tarikh lahir dengan Hari Kebangsaan negara setelah selamat dilahirkan di tujuh buah hospital kerajaan sekitar Pahang semalam.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Sha'ari Ngadiman berkata pihaknya me-

rakamkan ucapan tahniah kepada ibu bapa yang menyambut kelahiran bayi mereka pada tarikh penuh bermakna ini.

Sementara itu, di Kota Bharu, seramai 23 bayi Merdeka selamat dilahirkan di Hospital Raja Perempuan Zainab II bermula pada

pukul 12 tengah malam sehingga pukul 12 tengah hari semalam.

Pengarahnya, Dr. Selasawati Ghazali, berkata 15 bayi lelaki dan lapan bayi perempuan dilahirkan dengan kelahiran pertama bermula pada pukul 12.30 tengah malam.



JURURAWAT Hospital Sultanah Nur Zahirah bersama 10 daripada 21 bayi Merdeka di Kuala Terengganu semalam.